

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	2 APRIL 2016

Tun Mahathir juga perlu letak jawatan lantikan kerajaan negeri – Exco Pemuda

um- 2/4/2016

KUALA LUMPUR 1 April – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan sahaja perlu meletakkan jawatan dalam semua syarikat milik kerajaan (GLC) malah disaran melepaskan kedudukannya atas kapasiti lantikan secara ihsan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Exco Pemuda UMNO, Sheikh Ahmad Nafiq Sheikh A. Rahman berkata, tindakan itu perlu bagi menghormati kerajaan kerana beliau telah melanggar prinsipnya sendiri iaitu bersekongkol dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan pembangkang.

Jelasnya, Dr. Mahathir juga melanggar prinsip dengan bersekongkol dengan media-media asing bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang tidak pernah dilakukannya sewaktu berada dalam kerajaan.

“Timbul sikap terdesak Dr. Mahathir atas kepentingan peribadi sendiri sehingga bersekongkol dengan pembangkang dan beliau harus meletakkan jawatan bukan sahaja dalam semua GLC, sebaliknya



SHEIKH AHMAD NAFIQ

dalam jawatan-jawatan lantikan ihsan kerajaan-kerajaan negeri,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Proton Holdings Bhd. (Proton) mengumumkan peletakan jawatan Dr. Mahathir sebagai

Pengerusi dalam syarikat pengeluar kenderaan nasional itu.

Bekas Perdana Menteri itu turut meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Group Lotus plc., sebuah anak syarikat milik penuh Proton.

Dr. Mahathir memegang jawatan Penasihat Proton sejak tahun 2003 selepas bersara sebagai Perdana Menteri Keempat dan beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Proton berkuat kuasa pada 16 Mei 2014.

Dalam pada itu, Sheikh Ahmad Nafiq menasihati masyarakat supaya tidak terpengaruh dan terbawa-bawa dengan sikap Dr. Mahathir yang bertindak atas kapasiti kepentingan peribadi dan bukannya bertindak untuk kepentingan rakyat.

Katanya, sikap yang ditonjolkan oleh Dr. Mahathir boleh merosakkan keharmonian masyarakat dan kestabilan politik di negara ini.

“Saya menggesa Dr. Mahathir berhenti segera daripada membuat apa-apa kenyataan dan cuba untuk bertindak sewenang-wenangnya,” ujar beliau.